

568:

PARLIMEN-SEKOLAH

1975

KUALA LUMPUR, 9 JULAI (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA SEBANYAK 32 BUAH SEKOLAH MENENGAH BARU AKAN DIBINA DI SABAH DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

DI SAMPING ITU, BILIK-BILIK DARJAH TAMBAHAN JUGA DIBINA KEPADA 12 BUAH SEKOLAH MENENGAH SEKARANG DALAM TEMPOH YANG SAMA UNTUK MENAMPUNG PERTAMBAHAN MURID-MURID DI NEGERI ITU.

DALAM JAWAPAN BERTULIS KEPADA ENCIK STEPHEN ROBERT EVANS (BN-KENINGAU), DR. MAHATHIR BERKATA SEBUAH KOLEJ RENDAH AKAN DIDIRIKAN DI KOTA KINABALU YANG DIJANGKA SIAP PENGHUJUNG TAHUN DEPAN.

MENURUT BELIAU KEMENTERIANNYA TIDAK BERCADANG MEMBINA KOLEJ RENDAH DI KENINGAU KERANA KOLEJ RENDAH YANG AKAN DIBINA ITU AKAN DAPAT MENAMPUNG PELAJAR TINGKATAN ENAM BAGI NEGERI ITU DALAM TEMPOH RANCANGAN KETIGA.

KEPADA SOALAN LAIN DARI TENGGU NOOR ASIAH TENGGU AHMAD (BN-TUMPAT), MENTERI ITU BERKATA JUMLAH SEKOLAH MENENGAH SWASTA DI SEMENANJUNG IALAH 160 BUAH.

BAHASA-BAHASA PENGANTAR BAGI SEKOLAH-SEKOLAH TERSEBUT IALAH BAHASA MALAYSIA 28 BUAH, INGGERIS 93 BUAH DAN CHINA 39 BUAH.

-BERNAMA HM 1524